

Headline	Sastera Pesona isi atau pesona teknologi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	23	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	301 cm ²
Journalist	Dr Anwar Ridhwan	AdValue	RM 10,191
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,572



Sastera: Pesona isi atau pesona teknologi?

Syarikat pengeluar barangan teknologi moden selalu mengeluarkan model baru bagi produk mereka. Ini disebabkan persaingan yang sengit di pasaran. Kalau syarikat tidak bersaing, prestasinya jatuh melereng.

Sebagai contoh, telefon bimbit yang baru kita beli enam bulan lalu, sudah menjadi 'tua' akibat kemunculan model baru. Atau 'ketinggalan zaman' kerana ada produk lebih canggih yang dikeluarkan oleh syarikat pesaing yang lain.

Banyak anak muda sering menukar telefon bimbit atau apa jua peranti elektronik moden, semata-mata untuk dilihat *up to date* atau berkembang bersama-sama zaman. Barangkali kalau golongan ini masih berpaut pada peranti lama, mereka seakan-akan membawa *boy friend* atau *girl friend* yang lebih berusia, atau dalam lingo mereka, biskut lemau.

Ketaksuban terhadap teknologi turut membentuk tanggapan salah sebahagian mereka, yang menganggap bahawa perkataan teknologi hanya dikaitkan dengan ciptaan praktis zaman moden. Pada hal teknologi juga merujuk kepada aktiviti atau kajian praktis dalam pertanian, perumahan dan pakaian sejak zaman purba lagi, yang kemudian terus berkembang dalam sektor industri, perubatan moden dan sebagainya.

Berkembang ribuan tahun

Dalam hubungan ini, apabila kita menyentuh tentang teknologi maklumat, bidang ini sebenarnya sudah berkembang sejak ribuan tahun yang lalu. Teknologi maklumat bertujuan untuk menyimpan, mendapatkan semula, menghantar dan memanipulasi data, selalunya dalam konteks perniagaan dan pelbagai perusahaan.

Teknologi maklumat sudah menempuh empat fasa perkembangannya. Pertama, zaman pra-mekamikal (3000 BC– 450 AD), um-

pamanya teknologi 'perpus-takan' era Sumaria dan Babylon, di mana bahan 'perpustakaan' tersebut disimpan, didapatkan untuk dibaca, disebarikan melalui peminjaman, dan ilmu di dalamnya dimanipulasi untuk tujuan pembangunan material dan spiritual.

Fasa kedua disebut sebagai zaman mekanikal (1450–1840), diikuti fasa ketiga iaitu zaman elektromekanikal (1840–1940) dan mutakhir, fasa keempat iaitu zaman elektronik yang bermula sejak kira-kira 1940 hinggalah sekarang ini.

Seperti juga teknologi maklumat, sastera turut berkembang daripada tradisi lisan, tradisi penulisan dan penyalinan manuskrip, hinggalah kepada tradisi cetak di mana sesebuah buku dapat dikeluarkan dengan banyak dalam masa yang singkat untuk bacaan orang ramai (sejak mesin cetak dibawa ke rantau ini oleh penjajah Inggeris dan Belanda pada awal abad ke-19).

Cari ruang di dunia siber

Kini dengan berkembangnya zaman elektronik, sastera turut mencari ruang di dunia siber. Zaman elektronik menyaksikan penerbitan non-konvensional, seperti e-buku kelihatan semakin mengambil alih penerbitan konvensional. Ini sejajar dengan perkembangan teknologi elektronik dan digital seperti iPod, iPhone, Skype, telefon bimbit, Tivo, iTunes, Photoshop, dan sebagainya lagi.

Generasi Y sedang berada dalam medan magnet elektronik ini. Sejauh mana minat mereka terhadap sastera, banyak bergantung pada latar belakang pendidikan formal, minat, serta pendedahan terhadap sastera. Satu lagi faktor yang sangat penting ialah sejauh mana dunia siber mampu memanipulasi bahan sastera, sehingga boleh menawan hati Generasi Y

ini.

Generasi Y tidak cenderung kepada teks sepuh

Generasi Y kebanyakannya tidak lagi cenderung kepada teks penuh. Dunia mereka adalah dunia imejan, pergerakan pantas, dan paparan visual yang diadun dengan teknologi suara dan muzik. Gejala baharu ini lebih kepada simbiosis pelbagai teknologi yang mungkin melunturkan inti pati sastera menurut tafsiran serta tanggapan orang sastera tulen.

Bagi orang sastera tulen, sastera itu adalah khazanah bangsa, wasilah dan wajah kebijaksanaan, penawar dan penghibur, pembawa contoh dan unggul, sebagai ucapan bermakna, dan menawarkan pengalaman estetik. Di dalamnya terangkum nilai mulia yang membijaksakan dan membolehkan pembentukan individu bersikap yang positif terhadap hidup dalam konteks masyarakat serta alamnya.

Kita meraikan perkembangan teknologi kerana kita mesti mengakui hakikat perubahan. Akan tetapi dalam masa yang sama sastera di alam siber harus dapat mengekalkan inti patinya yang penting, yang sejak ribuan tahun memperkasa tamadun umat manusia.



Penulis

Sasterawan Negara dan pensyarah Fakulti Penulisan Kreatif ASWARA



Dr Anwar Ridhwan